

PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DALAM KALANGAN MURID ORANG ASLI

Mohd Hasra Ibrahim
Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim
hasra870212@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman guru Bimbingan dan Kaunseling mengendalikan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam kalangan murid-murid Orang Asli. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Kajian preliminari ini melibatkan seorang guru Bimbingan dan Kaunseling yang bertugas di salah sebuah sekolah luar bandar di Temerloh. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur untuk mengumpul data. Proses analisis data melibatkan analisis tematik secara manual. Tiga tema utama telah muncul hasil dari analisis data. Tema yang muncul termasuklah, 1) Strategi yang digunakan untuk mengengahkan perkhidmatan kaunseling, 2) Cabaran menjalankan sesi 3) Kesan perkhidmatan kaunseling. Maklumat dari kajian ini boleh digunakan oleh guru Bimbingan dan Kaunseling agar lebih memahami pendekatan yang bersesuaian untuk berhadapan dengan murid Orang Asli di sekolah menengah. Memandangkan guru kaunseling juga berhadapan dengan keluarga anak murid Orang Asli, pengkaji akan boleh mempertimbangkan untuk meneroka isu kekeluargaan murid Orang Asli yang telah mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kata Kunci: *Kualitatif, Kajian Kes, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Perkhidmatan Kaunseling, Murid Orang Asli*

1.0 PENGENALAN

Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (2015), mengikut artikel 160 (2) di dalam Perlembagaan Persekutuan, "Orang Asli" ditakrifkan sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Dalam konteks pentadbiran, masyarakat Orang Asli telah disediakan dengan 'AKTA 134: Akta Orang Asli' yang diguna pakai sebagai garis panduan untuk mentadbirkan hal ehwal kehidupan mereka. Istilah Orang Asli yang telah digunakan untuk merujuk kepada diri mereka secara kolektif, merangkumi seluruh kelompok etnik Orang Asli lain.

Menyokong kepada artikel di atas dalam konteks dan peranan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pelbagai usaha dijalankan bagi memberi sokongan dan dorongan kepada kelompok murid Orang Asli untuk terus mengorak langkah dan maju ke hadapan dalam bidang pendidikan. Seterusnya, kejayaan tersebut dapat meningkatkan taraf hidup mereka, agar setanding dan seimbang dengan kelompok-kelompok lain dalam masyarakat Malaysia (Haslinda, Lilia, Zanaton, 2015).

Sehubungan itu menurut Abdul Hamid (2012), adalah menjadi tanggungjawab besar bagi Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) di sekolah yang diterajui oleh Guru Bimbingan dan kaunseling (GBK) untuk memastikan perkhidmatan mereka adalah selari dengan

matlamat, keperluan dan kehendak KPM supaya murid Orang Asli tidak ketinggalan dalam menikmati pelan perancangan pendidikan yang telah disediakan untuk mereka. Hal ini terutamanya dalam perkhidmatan UBK dalam kalangan murid Orang Asli kerana GBK akan terlibat secara terus dengan murid Orang Asli dalam memastikan pelan transformasi ini mencapai objektif yang diharapkan (Hasbullah & Zaleha, 2015).

Walaupun bagaimanapun, proses untuk membantu murid Orang Asli bukanlah satu perkara yang mudah. GBK perlu berdepan dengan cabaran yang melibatkan aspek kognitif, psikomotor dan afektif murid Orang Asli. Antara cabaran GBK berhadapan dengan murid Orang Asli adalah masalah pembelajaran mereka yang kurang kompeten daripada aspek kognitif (pengetahuan). Mereka sukar memahami apa yang diajar oleh guru, mudah terlupa, kurang berminat hadir ke sekolah, mudah putus asa khasnya apabila gagal dan kurang motivasi diri (Ahmad & Mohd. Jelas, 2009). Hal ini menyebabkan mereka selalu dirujuk kepada GBK oleh guru mata pelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Shaari, Abdul Sukor, Yusoff, Nuraini, Ghazali, Mohd Izam & Dali, Mohd Hasani (2011), menyatakan tahap pendidikan ibu bapa Orang Asli yang rendah yang mendorong mereka tidak mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak mereka.

Selain aspek kognitif, GBK juga turut menghadapi cabaran dari aspek psikomotor. Menurut Zakaria (2012), murid Orang Asli mempunyai minat dalam aktiviti luar dan alam sekitar tetapi mempunyai masalah dalam penguasaan kemahiran 3M yang membawa kepada kesukaran menguasai mata pelajaran yang memerlukan penyelesaian masalah, mudah bosan dan tiada kemahiran belajar. Manakala berdasarkan kajian oleh Ahmad dan Mohd Jelas (2009) mendapati murid Orang Asli juga mempunyai sifat sensitif, rendah diri, mudah merajuk, tidak memahami kepentingan dan cara memajukan diri melalui pendidikan, tidak berpandangan jauh, tidak mempunyai cita-cita dan pemalu.

Justeru, peranan GBK amat penting untuk memastikan pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli khususnya dalam perkhidmatan kaunseling mencapai objektif yang diharapkan. Hal ini disokong dengan edaran surat pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu KP8548/1 (25) berkenaan penempatan guru kaunseling di sekolah-sekolah. Surat ini memaklumkan kepada pengetua-pengetua bahawa setiap sekolah diperuntukkan dua orang guru yang dilatih khas dalam bidang kaunseling (Zuraimey, Mohd. Najib dan Mohd. Shariff, 2008).

Hott, Thomas, Abbassi, Hendricks dan Aslina (2014) menyatakan bahawa ilmu pengetahuan GBK mengenai isu dan penyelesaian terhadap sebarang kes kaunseling yang melibatkan murid dapat membantu GBK menjadi lebih peka dan berkesan dalam perkhidmatan. Justeru, bagi lebih memahami fungsi GBK terhadap murid Orang Asli, kajian ini akan memfokuskan kepada pengalaman GBK yang menjalankan sesi kaunseling bersama dengan murid Orang Asli.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes yang dijalankan di salah sebuah sekolah menengah luar bandar di daerah Temerloh. Kajian ini melibatkan seorang guru Bimbingan dan Kaunseling yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Guru ini telah berkhidmat selama 12 tahun sebagai guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah yang mempunyai murid Orang Asli. Penyelidik mendapatkan data melalui kaedah temu bual semi berstruktur dan proses untuk menganalisis data melibatkan analisis tematik secara manual.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada penerokaan pengalaman GBK dalam memberikan perkhidmatan kaunseling kepada murid Orang Asli. Hasil analisis tematik menunjukkan pengalaman GBK boleh dilihat dari 3 tema utama iaitu 1) Strategi yang digunakan untuk mengenengahkan perkhidmatan kaunseling; 2) Cabaran dalam memberikan perkhidmatan kaunseling dan 3) Kesan dari perkhidmatan kaunseling.

1. Strategi yang digunakan untuk mengenengahkan perkhidmatan kaunseling

Strategi dalam konteks kajian ini merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh GBK untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling kepada murid Orang Asli. Hasil temu bual mendapati GBK melihat pembinaan hubungan/rappot, intervensi, pendekatan teori dan mengenalpasti isu silang budaya sebagai cara untuk mengenengahkan perkhidmatan kaunseling.

a. Pembinaan rappot

Guru B&K amat menekankan pembinaan hubungan yang baik bersama dengan murid Orang Asli untuk mendapatkan kesan maksimum terhadap perkhidmatan B&K di sekolah. Antara kaedah yang digunakan oleh GBK ialah dengan menyertai aktiviti yang dijalankan seperti turut bersama dalam tarian Sewang, memberi motivasi dalam setiap pertandingan dan penyertaan murid Orang Asli, makan bersama pada waktu rehat, slot perjumpaan 5 minit selepas perhimpunan dan slot khas bersama murid Orang Asli yang tinggal di asrama.

“Sepanjang perkhidmatan saya di sini, saya sangat percaya bahawa proses membina hubungan bersama dengan murid ini amat penting dan ia amat membantu kami dalam menjalankan sesi kaunseling dengan mereka”

“Mereka (Murid Orang Asli) ni bukannya tak boleh menonjol. Boleh.. tapi kita perlu dorong dan sokong kebolehan mereka walaupun sekecil-kecil kebolehan. Caranya mudah, bina hubungan dan bentuk kepercayaan dengan mereka! Contohnya baru-baru ni ada murid Orang Asli kita yang membentuk kumpulan Sewang dan membuat persembahan di UPNM. Jadi kami adakan sesi kaunseling kelompok untuk membentuk kepercayaan dan keyakinan diri mereka”

“Murid Orang Asli ni kita perlu beri galakan lebih sikit. Sokong mereka untuk join aktiviti, program dan pertandingan sekolah. Kita sebagai guru Bimbingan dan Kaunseling kena kerja kuat untuk bantu mereka ni yakin diri dan lebih bersemangat. Sebab mereka sebenarnya boleh buat jika ada yang mendorong”

b. Intervensi

Definisi intervensi dalam kajian ini ialah perkhidmatan awal bagi rawatan, pemulihan, bimbingan, khidmat nasihat kepada murid-murid Asli yang terlibat. Daripada temubual yang dijalankan, didapati GBK menjalankan intervensi yang bersesuaian mengikut keperluan murid

Orang Asli yang memerlukan pendekatan khusus untuk mendekati mereka. Antara intervensi yang dilaksanakan oleh GBK ialah program Ziarah Cakna dan projek Gerbang Pribumi. Menerusi kedua-dua intervensi ini, GBK dapat mendekati golongan murid ini dengan sangat baik sekaligus mengesan isu dan kaedah membantu mereka dari akar umbi.

“Menerusi program Ziarah Cakna, dapat mendekatkankan UBK dengan keluarga murid Asli. Hasil program ini, banyak isu murid dan keluarga Asli diketahui oleh pihak sekolah. Misalnya, murid Asli tidak ke sekolah kerana bekerja kampung. Jarak dari rumah mereka ke sekolah yang agak jauh, pergerakan bas sekolah yang terlalu awal untuk mengambil mereka dari rumah ke sekolah iaitu seawal jam 5.30 pagi, tiada sokongan ibu bapa dan keluarga dan sebagainya”

“Sepanjang berkhidmat di UBK ni, saya pernah kendalikan satu projek untuk murid Asli iaitu Projek Gerbang Pribumi. Kita buat bilik khas untuk mereka di sekolah. Dalam bilik tu mereka boleh jalankan pelbagai aktiviti misalnya menyanyi, menari (sewang), dapatkan info dan maklumat, menonton televisyen, mendengar lagu termasuklah sesi kelompok”

c. Pendekatan Teori

Dalam kajian ini terdapat dua jenis teori yang digunakan oleh GBK iaitu teori Realiti dan Rational Emotive Behaviorial Therapy (REBT) / Teori Tingkah Laku Kognitif. Menurut GBK yang ditemubual, kedua-dua teori ini mampu menjelaskan isu dan permasalahan berkaitan murid Orang Asli di sekolahnya.

“Saya menggunakan pendekatan Realiti dan REBT. Teori ini mesra dengan pelajar dalam sesi kaunseling. Tak kira dengan mana-mana murid pun, murid Asli ini juga saya guna teori ini. Jika teori Realiti, murid akan lebih mudah dengan pendekatan WDEP iaitu Wants, Do, Evaluation and Plan, manakala jika teori REBT, saya gunakan untuk bantu memperbetulkan persepsi murid berdasarkan konsep ABCD”.

d. Isu silang budaya

Menurut GBK yang ditemubual, isu silang budaya yang berlaku yang melibatkan murid Orang Asli ialah kesukaran untuk menerima dan rapat dengan guru yang berlainan kaum. Hal ini kerana kebanyakan mereka lebih selesa berada dan berkongsi pendapat dalam kelompok mereka sendiri.

“Murid OA ni boleh je terima kaunselor berlainan bangsa, tapi perlu tempoh masa yang lama untuk kita ambil hati dan tarik perhatian mereka untuk beri kepercayaan pada kita dalam sesi. Biasanya saya akan tarik hati mereka dengan cara sentiasa berjumpa mereka dengan cara tak formal. Contohnya, luangkan masa bersama dengan mereka ketika waktu rehat di kantin, berbual

dengan mereka di dalam kelas atau di persekitaran sekolah, bersukan bersama mereka. Kita perlu memperlihatkan yang kita sentiasa mengambil berat terhadap mereka”

2. Cabaran dalam memberikan perkhidmatan kaunseling

Seterusnya *cabaran dalam konteks kajian ini merujuk kepada halangan ialah aral, gangguan, rintangan yang dihadapi oleh GBK dalam sesi B&K yang dijalankan. Halangan yang sering dilalui oleh GBK ialah daripada aspek sikap murid Orang Asli yang masih mempunyai identiti dan tipikal mereka tersendiri.*

a. Sikap murid

Sikap murid Orang Asli merupakan cabaran utama kepada GBK dalam menjalankan sesi kaunseling. Hal ini kerana menurut GBK yang ditemubual, kebanyakan murid Orang Asli tidak melihat kepentingan B&K terhadap mereka dan seolah-olah menutup pintu untuk GBK menawarkan perkhidmatan B&K. Tambahan apabila GBK merupakan kaum lain selain dari mereka.

“Murid Orang Asli ni sukar buat temujanji dan berjumpa dengan kaunselor. Malahan boleh dikatakan tiada langsung yang nak jumpa secara sukarela. Boleh kata semua kes murid Orang Asli ni dirujuk atau kita yang perlu kesan... Baru boleh langsungkan sesi dan bimbingan”

“Kebanyakan murid asli ni tak mempunyai motivasi untuk cemerlang. Jika disekolah ada dalam kalangan mereka hadir sekadar untuk penuhi kedatangan tapi jiwa mereka sebenarnya masih dirumah. Jika dirumah, mereka akan penuhi masa dengan aktiviti rutin mereka seperti masuk hutan, memancing, mandi sungai, pelihara ternakan dan sebagainya”

“Kebanyakan orang asli ni susah nak kongsi maklumat dengan kita, kita akan dapatkan info melalui guru-guru, rakan-rakan murid Orang Asli dan paling penting kita juga melibatkan Tok Batin daripada kampung-kampung murid Orang Asli ini. Tok Batin ini sangat memberikan kerjasama kepada kita dalam isu murid Orang Asli ini”

b. Sikap ibu bapa murid

Ibu bapa murid Orang Asli kebanyakannya tidak terdedah dengan kepentingan pendidikan kerana ada dalam kalangan mereka yang langsung tidak mempunyai sejarah pendidikan / tidak pernah bersekolah.

“Kebanyakan ibu bapa murid Asli ini tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Malah ada yang tidak bersekolah pun. Tidak tahu membaca dan menulis. Jadi, mereka ini menyerahkan bulat-bulat anak-anak mereka kepada pihak sekolah untuk dididik. ini jelas ketika majlis permuafakatan ibu bapa dan guru, kebanyakan ibu bapa tidak boleh membaca keputusan peperiksaan anak-anak dan hanya mendengar penerangan dari guru”

c. Kepercayaan kepada GBK berlainan bangsa

Menurut GBK yang ditemubual, tipikal murid Orang Asli ini adalah lebih menjurus kepada kelompok mereka sahaja dan sukar untuk didekati oleh bangsa lain. Mereka lebih didorong untuk bercerita dan berkongsi sesama mereka tanpa melibatkan kaum lain.

“Murid Asli ni tak berapa selesa dengan bangsa selain dari mereka. Jadi, untuk proses kaunseling, memanglah akan ambil masa untuk bina hubungan. Adakala tu sehingga sebulan lebih baru dapat teroka isu sebenar murid tu”

3. Kesan dari perkhidmatan kaunseling

Kesan dalam konteks kajian ini pula merujuk kepada impak daripada perkhidmatan kaunseling yang dijalankan terhadap murid Orang Asli sebagaimana yang dilalui oleh GBK. Dapatan temubual bersama GBK menunjukkan GBK melihat kesan perkhidmatan mereka dari dua aspek iaitu mewujudkan kesedaran dan murid Orang Asli bersikap lebih terbuka untuk berkongsi maklumat dan bercerita sebarang isu dalam sesi bimbingan yang dijalankan seterusnya.

a. Mewujudkan kesedaran

Kesedaran yang timbul dalam kalangan murid Orang Asli ini sebenarnya sangat membantu proses kaunseling seterusnya. Hal ini disokong dengan kenyataan GBK bahawa setelah wujudnya proses pembinaan hubungan / rapped bersama dengan mereka, maka perkhidmatan B&K khususnya sesi kaunseling akan menjadi lebih mudah.

“Murid asli ni apabila dah kenal dan rapat dengan kita, mereka akan hormat dan patuh. Sebagai guru kaunseling, saya amat puas hati dengan sikap mereka selepas menjalani sesi. Paling tidak pun, mereka dah mula percaya, rapat dan hormat. Bahkan, ada dalam kalangan mereka yang ingin menjadikan kami guru kaunseling sebagai idola mereka”

“Cara murid Asli yang dah jalani sesi ketika beri salam pun adakalanya berbeza dengan murid-murid lain. Murid-murid lain sekadar beri salam biasa tapi bagi murid Orang Asli mereka siap tundukkan kepala ketika beri mengucapkan salam sejahtera dan bertemu guru. Ini juga diakui guru-guru lain. Banyaklah perubahannya”

b. Bersikap lebih terbuka

GBK melihat Murid Orang Asli yang telah mendapatkan perkhidmatan B&K akan mempunyai sikap yang amat berbeza berbanding sebelum itu. Mereka lebih bersifat bersedia untuk berkongsi isu, maklumat dan sebagainya untuk dibantu oleh GBK.

“Murid Orang Asli yang hadir mendapatkan perkhidmatan kami biasanya akan menjadi lebih rapat dengan kami berbanding sebelum itu. Mereka akan lebih mudah menegur dan memulakan perbualan ketika terserempak di persekitaran

sekolah. Kami nampak jelas berbanding dengan kawan mereka yang lain. Apabila ada apa-apa isu, mereka mudah menyuarakan dan berbincang”

4.0 PERBINCANGAN

Perkhidmatan B&K oleh GBK dalam kalangan murid Orang Asli dilaksanakan dengan sangat baik. Berdasarkan pengalaman guru B&K, mereka mewujudkan strategi, menghadapi cabaran dan merasai kesan daripada perkhidmatan B&K ini. Menurut Nurinahafiza Mansor (2012) profesion kaunseling atau kaunselor berhadapan dengan banyak cabaran. Seseorang kaunselor perlulah menjadi seorang yang cekap, mahir dalam menjalankan penaksiran dan berupaya memilih teknik dan strategi bagi membantu pertumbuhan klien.

Strategi merupakan kaedah yang digunakan oleh GBK untuk mendapatkan perhatian murid ketika menjalani sesi kaunseling. Hal ini disokong oleh kajian Arbaa dan Abd. Razak (2010), yang menyatakan pendekatan yang kreatif dan inovatif dapat memastikan penyampaian menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan seterusnya dapat merangsang minat dan kecenderungan murid untuk mendekati seseorang kaunselor atau pendidik. Dapatan mendapati antara strategi yang digunakan oleh GBK dalam perkhidmatan B&K murid Orang Asli ini ialah pembinaan hubungan/ rappot yang baik. Daripada temubual, didapati pengalaman GBK amat membantu mereka untuk menjalankan perkhidmatan B&K pada masa kini dan akan datang. GBK akui bahawa pembinaan hubungan / rappot yang baik dengan murid Orang Asli ini adalah amat penting untuk mereka mendapatkan maklumat yang lebih daripada klien menerusi kepercayaan yang wujud antara GBK dan murid. Menurut Ahmad Rozelan (2001), pada tahap pembinaan hubungan ini tanggungjawab kaunselor ialah mewujudkan satu suasana terapeutik di mana klien merasa dia diterima dan dihormati, selesa dan selamat. Beliau turut berpendapat, menerusi pendekatan Carl Rogers, kaunselor perlu mempamerkan kemesraan dan penerimaan tanpa syarat, serta ikhlas untuk menolong klien. Hanya apabila klien dapat merasa dia dihormati barulah dia dapat berkongsi dengan kaunselor tentang dirinya dan situasi yang dihadapi olehnya. Apabila klien mengetahui yang dia dihormati akan mencetus rasa mempercayai dan yakin terhadap kaunselor. Hal ini diakui GBK yang ditemui menerusi dapatan temubual yang dijalankan.

Selain itu, GBK turut menjadikan intervensi sebagai strategi dalam perkhidmatan B&K. berdasarkan temubual yang dijalankan, GBK mengadakan program Ziarah Cakna dan Projek Gerbang Pribumi sebagai kaedah mengenalpasti seterusnya mendekati murid Orang Asli untuk perkhidmatan B&K di sekolah. Intervensi seperti ini akan menjadikan pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan kaedah yang dijalankan untuk menjadikan perkhidmatan B&K ini mesra terhadap murid Orang Asli. Menurut GBK juga, pendekatan teori yang bersesuaian dengan klien juga amat diperlukan dalam mengukuhkan keberkesanan perkhidmatan mereka. GBK yang ditemubual menggunakan Teori Realiti dan Teori Tingkahlaku Kognitif sebagai pendekatan dalam meneroka isu murid Orang Asli dalam sesi kaunseling yang dijalankan. Mohd Tajudin dan Yatimah (2008) menyatakan, dalam proses menjadi kaunselor yang berkesan, seseorang kaunselor itu bukan sahaja bergantung kepada kemahiran dan pengetahuan kaunseling yang tinggi semata-mata, malah mereka juga perlu mempunyai pandangan yang menyeluruh terhadap nilai-nilai kemanusiaan yang diterapkan melalui teori-teori yang dipelajari. Hal ini membuktikan bahawa kemahiran dan pengetahuan kaunseling yang tinggi serta peranan teori yang mantap perlu seiring dalam melahirkan seorang GBK yang menjiwai isu dan identiti klien khususnya murid Orang Asli ini. Dalam kajian ini, GBK turut mengenalpasti isu silang budaya yang wujud dalam kalangan murid Orang Asli. Menurut GBK, isu silang budaya ini adalah penting untuk dikuasai olehnya kerana sifat murid Orang Asli ini yang kurang selesa berkongsi maklumat khususnya yang melibatkan peribadi mereka bersama

dengan kaum luar. Hal ini juga diakui oleh Suhaila Isenin (2015) yang mengakui masyarakat Orang Asli sememangnya terkenal dengan sifat pemalu, apatah lagi dengan orang luar yang tidak mereka kenali. Berkongsi maklumat dengan bangsa lain bukanlah sesuatu yang selesa bagi mereka. Menerusi temubual juga GBK menyatakan mereka mengambil masa yang agak lama dengan murid Orang Asli ini untuk lebih serasi.

Dapatan temubual juga menunjukkan wujud cabaran semasa perkhidmatan B&K dijalankan oleh GBK. Misalnya sikap murid Orang Asli yang pemalu, tidak selesa dengan bangsa lain, merendah diri dan perahsia. Hal ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Haslinda (2015), yang menjelaskan murid-murid Orang Asli mempunyai rasa rendah diri dan malu untuk bergaul dengan masyarakat luar. Kajian ini selari dengan penjelasan Ahmad dan Mohd. Jelas (2009), sikap pemalu ini telah menyebabkan murid Orang Asli hanya terdorong untuk belajar apabila diberi peneguhan luar. Maka, jelaslah dengan dapatan temubual GBK ini iaitu sifat semulajadi murid Orang Asli ini boleh dibantu dengan mengadakan hubungan yang baik, program intervensi dan penggunaan teori yang bersesuaian.

Hasil temubual turut menyentuh cabaran daripada ibu dan bapa murid Orang Asli. Pengalaman GBK berhadapan dengan sikap ibu bapa Orang Asli ini yang tidak menyokong motivasi anak-anak turut menjadi penyebab kesukaran menjalankan perkhidmatan B&K. Penjelasan GBK ini senada dengan dapatan Ahmad Razak & Zalizan Jelas (2009) bahawa pendidikan merupakan sesuatu yang dipandang enteng bagi masyarakat Orang Asli. Menurut mereka kebanyakan ibu bapa Orang Asli tidak mengambil berat kehadiran anak-anak mereka ke sekolah apatah lagi memantau pencapaian mereka. Hal yang sedemikian disebabkan oleh oleh ibu bapa Orang Asli berpendapat walaupun tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, kehidupan masih lagi dapat diteruskan. Selain itu, GBK turut berpendapat bahawa tahap pendidikan ibu bapa yang rendah juga mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak Orang Asli. Ini disebabkan mereka tidak dapat membantu anak-anak mereka dalam pelajaran. Pendapat ini disokong oleh Harun (2003) yang mendapati taraf pendidikan ibu bapa yang rendah mengakibatkan mereka tidak tahu perkembangan dan pendidikan anak-anak. Isu silang budaya antara GBK dan murid Orang Asli juga diakui berdasarkan temubual yang dijalankan. Ia menjadi cabaran kepada GBK untuk menjalankan perkhidmatan B&K. Hal ini kerana murid Orang Asli diakui lebih selesa berada dalam kalangan atau kelompok mereka berbanding dengan bangsa selain dari mereka. Menurut Abdul Halim (2019), pelajar Orang Asli lebih selesa berada dalam kelompok sendiri dan melakukan aktiviti hanya sesama mereka sahaja.

Menurut temubual yang dijalankan juga, kesan daripada perkhidmatan B&K memberikan beberapa impak utama antaranya mewujudkan kesedaran dalam kalangan murid Orang Asli tentang fungsi GBK dan mereka bersifat lebih terbuka untuk mendapatkan perkhidmatan B&K. Murid Orang Asli juga bersikap lebih terbuka khususnya dalam aspek pembelajaran, kemahiran belajar, halatuju selepas SPM dan sebagainya. Perkara ini diakui menerusi kajian Chua Lay Nee, Zuria Mahmud & Noriah Mohd. Ishak (2008) yang menjelaskan perkhidmatan kaunseling merupakan kaedah yang berkesan dalam membantu remaja bersama-sama dengan GBK yang berkemahiran. Keberkesanan sesi kaunseling dalam kalangan murid Orang Asli ini akan membantu mereka untuk meneruskan cabaran kehidupan bukan hanya ketika berada di bangku persekolahan, malah selepas tamat tingkatan lima kelak. Kesan ini turut membantu GBK menjadikannya sebagai penanda aras untuk menambahbaik perkhidmatan B&K dalam kalangan murid Orang Asli pada masa akan datang.

5.0 PENUTUP

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan pengalaman GBK dalam mengendalikan perkhidmatan B&K murid Orang Asli dapat membantu GBK menjalankan fungsinya dengan lebih baik.

Pengalaman ini merupakan sesuatu yang relevan dengan konteks sebenar tugas GBK untuk berhadapan dengan kelompok murid Asli yang mempunyai tipikal, pemikiran dan latar belakang kehidupan yang amat berbeza. Hal ini memerlukan GBK mempunyai kompetensi khusus bagi memenuhi keperluan perkhidmatan B&K murid orang Asli. Pengalaman GBK ini dapat dijadikan penanda aras untuk menambahbaik perkhidmatan B&K dari masa ke masa demi memenuhi keperluan murid Orang Asli di sekolah dan menjadikan murid-murid ini berpotensi cemerlang dalam segenap lapangan. Begitu juga dengan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan intipati Falsafah Pendidikan Negara.

6.0 RUJUKAN

- Abd Ghafar Mahmud. (2011). Pendidikan Islam: Harapan dan Masa Depan. Paper presented at the Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasti Hotel, 4-7 Disember 2011.
- Asmawati Suhid. (2011). Program j-Qaf: Cabaran Kini, Harapan dan Masa Depan. Paper presented at the Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasti Hotel, 4-7 Disember 2011.
- Azlah Md Ali, Thuaibah, Rozeyta Omar, Noor Ella Mohamad Zip, Nor Suziani Ismail, dan Thahiroh Zulkifli (2008). Keberkesanan Latihan Di Kalangan Kakitangan Kumpulan Sokongan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Darul Aman. Dalam Aminah Ahmad Khalid (2008). Amalan Latihan Dan Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Baharom Mohamad dan Mohamad Johdi Salleh (2009). Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. Dalam Prosiding Seminar Pembangunan Modal Insan 2009, pada 23 – 24 Mac 2009, di Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.
- Ciraso, Anna (2012). An Evaluation of the Effectiveness of Teacher Training: Some Results from a Study on the Transfer Factors of Teacher Training in Barcelona Area. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. Volume 46, 2012, Pages 1776-1780.
- DeCorby, K., Halas, J., Dixon, S., Wintrup, L. & Janzen, H. (2005). Classroom teachers and the challenges of delivering quality physical education. *The Journal of Educational Research*. Vol. 98(4), 208-220.
- Drake, C. (2002). Experience Counts: Career Stage And Teachers' Responses To Mathematics Education Reform. *Educational Policy*, 16, 311-337.
- Dumler, Carolyn Marie (2010). Principal Behaviors That Support First-Year Teacher Retention. Doctor Of Education. Department Of Educational Policy Studies And Practice, The University Of Arizona.
- Goldstein, I.L., and J.K. Ford. (2002). *Training in Organizations: Need Assessment, Development, and Evaluation*, (fourth ed.). Wadsworth.
- Gupta, S., and R.P. Bostrom. (2006). End-User Training Methods: What We Know, Need to Know, ACM.
- Gurney, Philip (2007). Five Factors for Effective Teaching. *New Zealand Journal of Teachers' Work*. Volume 4, Issue 2, 89-98.
- Ibrahim Mamat (2006). Reka bentuk dan Pengurusan Latihan, Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kewangan, Malaysia (2011). Laporan Ekonomi 2010/2011. <http://www.treasury.gov.my/bajet2011/data/le/bab4.pdf>.
- Kementerian Kewangan, Malaysia (2012). Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012. http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat_bajet_kerajaan/2012/ap1.pdf.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2007). Mesyuarat Professional KPM Bil. 7/2007. 21 November 2007.
- Klassen, R. M., & Chiu, M. M. (2010). Effects On Teachers' Self-Efficacy And Job Satisfaction: Teacher Gender, Years Of Experience, And Job Stress. *Journal of Educational Psychology*, 102(3), 741.
- Knowles, M. (1990). *The Adult Learner: The Neglected Species* (4th ed.). Houston, TX: Gulf.
- Kwakman, K. (2003). Factors Affecting Teachers' Participation in Professional Learning Activities. *Teaching and Teacher Education*, 19(2), 149-170. doi: 10.1016/s0742-051x(02)00101-4
- Morgan, P. J. & Bourke, S. F. (2005). An Investigation of Preservice and Primary School Teachers' Perspectives of PE Teaching Confidence and PE Teacher Education. *ACHPER Healthy Lifestyles Journal*. Vol. 52(1), 7-13.
- Morgan, Philip J. and Hansen, Vibeke (2008). The Relationship Between PE Biographies and PE Teaching Practices of Classroom Teachers. *Sport, Education and Society*. Vol.13, No.4, November 2008. pp. 373-391.
- Norhafizah Abd Rani, Wan Idros Wan Sulaiman & Maizatul Haizan Mahbob (2016). Pengaruh Budaya Organisasi Terhadap Latihan Dan Pembangunan Dalam Kalangan Kakitangan Kumpulan Sokongan Di UPM. Vol. 11, No. 2 (2016) 142-173, ISSN: 1823-884x.
- Othman Md. Johan dan Lukman Dinyati (2011). Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan ICT Untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang. UNSPECIFIED . pp. 1-8. (Unpublished).
- Pati Anak Aleng (2014). *Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan*. Selangor: PTS Akademia.
- Shahid Hussain Mugha (2015). Analysis Of Head Teachers' Professional Role In Relation To Quality Improvement Initiatives At Primary Level. *The Sindh University Journal of Education*. Vol.44 No. 1, 2015. Pp.153 – 172.
- Yariv, Eliezer (2011). Deterioration in Teachers' Performance: Causes and Some Remedies. *World Journal of Education*. Vol .1, No.1; April 2011.
- Yazan Abdel Aziz Semreen AL-Wreikat dan Muhamad Kamarul Kabilan Abdullah (2011). Effectiveness of Teaching Approaches of In-service Training Courses for EFL Teachers in Jordanian Schools. *English Language Teaching*. Vol. 4, No. 1; March 2011.